

04/02/1997

Saham MAS mula stabil

SAHAM Penerbangan Malaysia (MAS) dijangka mula stabil berikutan sokongan kukuh yang ditunjukkan kerajaan dalam keadaan syarikat itu dilanda krisis imej yang agak ketara.

Penganalisis pasaran saham yang dihubungi memberitahu, penstabilan harga saham itu berikutan MAS diramal membuat beberapa perubahan korporat tidak lama lagi untuk menarik minat pelabur.

Minggu lalu, MAS menerima kritikan media termasuk Pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli dan kepentingan perniagaan yang lain, mutu khidmat MAS dan kekurangan guna tenaga serta pembiayaan pembelian pesawat baru.

"Bagaimanapun, sehingga kini banyak syarikat kewangan dan broker saham yang mencadangkan saham itu masih wajar dipegang," kata penganalisis, semalam.

Mereka berpendapat, dengan sokongan dan keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan Tajudin untuk syarikat penerbangan itu, pertukaran pemilikan tidak dijangkakan.

Seorang penganalisis dengan firma berpangkalan di Singapura berkata, wujud khabar-khabar angin mengenai kemungkinan berlakunya penyusunan semula kewangan di kalangan syarikat yang dikuasai Tajudin tetapi maklumat lanjut belum diperolehi.

Pendapat itu disokong oleh seorang penganalisis lain di sebuah syarikat tempatan yang menjangka penyusunan semula MAS mungkin berlaku untuk membolehkan Tajudin mengukuhkan kedudukan dalam syarikat yang dikuasainya.

"Kita mungkin melihat penyepaduan kegiatan perniagaan pengangkutan dan telekomunikasinya.

"Oleh itu, mungkin ada urusan niaga yang akan dilakukan di antara syarikat dikuasainya seperti MAS, Malaysian Helicopter Services Bhd (MHS) dan Technology Resources Industries Bhd (TRI).

"Ia bukan penyusunan semula korporat biasa tetapi lebih kepada aspek kewangan.

"Mungkin ada pembiayaan yang boleh memanfaatkan MAS dan pemegang sahamnya termasuk pengambilalihan," katanya.

Sementara itu, penganalisis industri penerbangan menyifatkan harga MAS wajar mendapat sokongan belian kerana walaupun dengan krisis imej itu, ia masih diniagakan pada kadar diskaun.

Penganalisis di TA Securities, Alan Inn berkata, laporan negatif mengenai operasi MAS dan khidmat pelanggan yang masih ditahap belum memuaskan itu sebagai sudah diambil kira oleh harga semasa.

"Saya rasa harga saham MAS tidak mungkin turun ke bawah paras RM6.00," katanya.

Beliau berkata, satu daripada alasan paling kukuh ialah kerana harga saham MAS memang sudah tertekan dengan pelbagai ketidakpastian bagaimana ia akan membiayai pembelian 25 pesawat baru bernilai RM10 bilion.

Selain itu, perolehan yang lebih rendah kerana persaingan serantau yang semakin sengit juga menekan sentimen terhadap kaunter itu sebelum ini dan sebarang berita baik pasti melonjakkan harganya.

November lalu, MAS mengumumkan In November, keuntungan bersih enam bulannya bagi tempoh berakhir September susut kepada RM137.11 juta, berbanding RM154.196 juta sebelumnya walaupun jualan naik kepada RM3.17 bilion daripada RM2.81 bilion.

Sementara itu, The Estimate Directory yang diterbitkan oleh Edinburgh Financial Publishing menganggarkan keuntungan MAS bagi tahun berakhir Mac

ini berada pada RM267.9 juta, naik daripada RM232.9 juta.

Saham MAS berada pada RM6.10 pada penutup dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur, semalam.

(END)